



**TEKS UCAPAN
YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA**

**MAJLIS SIMBOLIK PENYAMBUNGAN JAMBATAN DURIN,
SIBU, SARAWAK
PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK**

PADA 15 DISEMBER 2019

Salam Sejahtera, Salam Sayangi Malaysiaku

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua hadirin yang telah sudi bersama-sama meluangkan masa hadir ke **Majlis Simbolik Penyambungan Jambatan Durin, Sibul, Sarawak** pada hari ini.
2. Saya juga ini menzahirkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas kerjasama dan sokongan padu semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

Hadirin sekalian,

LATAR BELAKANG PROJEK

3. Perlaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Persekutuan dalam menambahbaik jaringan jalan raya sedia ada di Sarawak dari Sematan ke Miri dan juga pembinaan jalan baru dari Telok Melano ke Sematan yang telah siap dibina pada 6 Januari 2019. Selain itu pembinaan komponen antara lainya seperti tiga (3) *Rest & Service Area (RSA)*, enam (6) *layby*, 25 persimpangan bertingkat (*interchanges*), 115 jambatan dan hentian bas pastinya dapat meningkatkan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.
4. Menerusi penglibatan rakyat tempatan Sarawak di dalam projek ini sebagai perunding, *vendor*, pembekal mahu pun kontraktor, ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam kalangan anak tempatan

Sarawak dapat dilahirkan dan secara tidak langsung memberi sumbangan kepada pembangunan Negeri Sarawak khususnya.

5. Bukan itu sahaja malah projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak bakal menghubungkan seperti pelabuhan, kawasan perindustrian dan pusat-pusat komersial di sepanjang jajarannya. Projek ini juga turut menjadi pemangkin kepada kemajuan *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE) untuk membolehkan Sarawak mencapai taraf negeri maju.

MAKLUMAT PROJEK

Hadirin sekalian,

6. Menyentuh berkenaan Jambatan Durin yang turut dikenali sebagai Jambatan Batang Rajang, jambatan ini yang dibina sepanjang 1.2 kilometer dengan ketinggian 20 meter merupakan jambatan kembar kepada jambatan sedia ada yang dibina pada tahun 1990an. Jambatan Durin ini merupakan salah satu kejayaan kejuruteraan (*engineering achievement*) kerana merupakan jambatan terpanjang di jajaran Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dengan jadual tempoh pembinaan selama 4 tahun, berbanding tempoh pembinaan jambatan kembarnya selama 10 tahun.
7. Kos pembinaan bagi projek ini adalah berjumlah RM120 juta. Projek ini merupakan sebahagian daripada skop kerja Kontrak Pakej Kerja Persimpangan Bintangor ke Jambatan Sungai Kua

(WPC 07) yang dilaksanakan oleh Hock Seng Lee – Dhaya Maju Infrastructure Asia JV.

8. Sukacita saya ingin maklumkan bahawa pembinaan Jambatan Durin dijadualkan siap sepenuhnya pada bulan April 2020 iaitu dua (2) bulan lebih awal dari perancangan yang akan membolehkan pengguna jalan raya menikmati laluan empat (4) lorong dua (2) hala sepenuhnya dari Sibü ke Durin untuk menyeberangi Sungai Batang Rajang.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

9. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.
10. Saya dengan lafaz takzimnya, merasmikan Majlis Simbolik Penyambungan Jambatan Durin, Sibü, Sarawak.

Sekian, terima kasih.

God Bless